

15 DEC 1997

Sidang-Abdullah

ABDULLAH TEMUI MENTERI LUAR BARU THAILAND

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengadakan pertemuan 40 minit dengan rakan sejawatannya dari Thailand Dr Surin Pitsuwan di sini, dengan mereka membincangkan keputusan-keputusan yang dibuat oleh ketua kerajaan masing-masing pada Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Kedua Asean di sini.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat itu, Abdullah berkata ini merupakan mesyuarat pertama beliau dengan Pitsuwan yang dilantik sebagai Menteri Luar baru Thailand bulan lepas.

"Kami menggunakan peluang (pertemuan ini) untuk membincangkan keputusan-keputusan yang dibuat oleh kedua-dua pemimpin kami dengan rujukan khusus kepada Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT)," katanya.

Pitsuwan mengiringi Perdana Menteri Chuan Leekpai yang menghadiri sidang kemuncak itu di Hotel Palace of Golden Horses di sini.

Abdullah berkata mereka bersetuju untuk membuat susulan kepada perbincangan berkaitan sempadan Malaysia-Thailand pada mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Thailand, Mac depan.

Abdullah berkata mereka juga menyemak perbincangan semalam antara Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Leekpai mengenai isu mata wang.

"Oleh itu, apa yang saya ingin nyatakan ialah terimalah penjelasan Thailand," katanya yang jelas merujuk kepada kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Sekretariat Perdana Menteri Thailand hari ini.

Kenyataan itu menafikan laporan sebuah akhbar yang memetik Leekpai sebagai berkata bantuan Tabung Kerjasama Antarabangsa (IMF) kepada Thailand "tidak memberi sebarang hasil dan terlalu lewat untuk merangsang ekonomi Thailand."

Ketika ditanya bagaimana pentingnya sidang kemuncak itu dalam mengembalikan keyakinan pasaran (mata wang), Abdullah berkata: "Anda perlu tunggu hasil keseluruhan sidang kemuncak ini tetapi sudah pasti kita menganggapnya sebagai satu mesyuarat yang penting."

Mengenai sama ada mesyuarat itu akan mengeluarkan sebarang hasil, Abdullah berkata: "Mengapa tidak...".

Menurut kenyataan akhbar itu, Leekpai dan Dr Mahathir mengkaji keadaan kewangan umum di rantau ini.

Leekpai juga bersetuju dengan Dr Mahathir bahawa kajian IMF yang sedang dijalankan terhadap struktur pasaran kewangan sejagat dan aliran modal jangka pendek harus dipercepatkan dan boleh didapati sebelum ia dijadualkan keluar pada Mei tahun depan. -- BERNAMA

RA NAK